



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
Pusat Peperiksaan LPKKKP
d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan
National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)
Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor D.E
Tel : 03-89113800 | Emel : exam[at]niosh.com.my

No. Rujukan : NIOSH/06/100-6-9 (40)

Tarikh : 28^{hb} Mac 2025

NOTIS MAKLUMAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN SSS DAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR (PLB) SSS

Tuan/ Puan,

MAKLUMAN PENGGUNAAN SOALAN BAHARU PEPERIKSAAN PENYELIA KESELAMATAN TAPAK BINA (SSS) BERMULA SESI PEPERIKSAAN SSS JULAI 2025.

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan pihak Jawatankuasa Kompetensi Penyelia Keselamatan Tapak Bina (SSS) dibawah Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP) bersetuju agar soalan baharu peperiksaan SSS berdasarkan akta dan perundangan terkini dengan merujuk modul baharu SSS yang diluluskan oleh pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) kepada Penyedia Latihan Berdaftar (PLB) akan digunakan bermula sesi peperiksaan SSS Julai 2025.

3. Calon peperiksaan SSS yang masih berstatus Belum Lengkap (masih dalam tempoh 2 tahun untuk melengkapkan peperiksaan dari tarikh peperiksaan pertama) perlulah menduduki kertas ulangan sesi peperiksaan Mei 2025 dan Jun 2025. Calon yang tidak menduduki kertas ulangan mengikut sesi peperiksaan yang dinyatakan, calon tersebut perlu menduduki kertas ulangan dengan set soalan baharu. Sila layari laman sesawang NIOSH bagi membuat pendaftaran peperiksaan sebelum tarikh tutup permohonan.

4. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak tuan/ puan boleh menghubungi Pusat Peperiksaan LPKKKP (d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan, NIOSH) di talian 03-89113800/ mesej Whatsapp 019-6668599 atau e-mel wecare@niosh.com.my.


Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pekerja Kesuma Bangsa"

Saya yang menjalankan amanah,


BAHRUDIN BIN MAMAT
Pengerusi

Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP)